

**PENERAPAN ELEMEN TADABBUR AL-QURAN DALAM KALANGAN  
PELAJAR MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)  
THE IMPLEMENTATION OF TADABBUR AL-QURAN ELEMENT AMONG  
STUDENTS IN MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)**

Rohana binti Zakaria<sup>1\*</sup>, Noorhafizah binti Mohd Haridi<sup>2</sup>, Mardhiah Yahaya<sup>3</sup>,  
Shaharuddin Pangilun<sup>4</sup>, Hayati binti Husin<sup>5</sup>.

<sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), rohana@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), noorhafizah@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mardhiah@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), shaharuddin.pangilun@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), hayati.hussin@usim.edu.my

\*Penulis penguatkuasaan

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

**Abstrak**

Tadabbur al-Quran merupakan satu kewajipan yang digesa oleh Allah SWT kepada manusia. Bukan sekadar membaca dan menghafaz sahaja. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis penerapan elemen tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz dalam proses menghafaz dan berinteraksi bersama al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai metodologi penyelidikan dengan keseluruhan responden kajian di tiga Maahad Institut Tahfiz di Selangor (MITS). Kajian ini dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 23.0 bagi mendapatkan skor peratusan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan elemen tadabbur dalam kalangan pelajar di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana tinggi (min=3.69). Maka, bagi meningkatkan lagi proses penerapan elemen tadabbur di kalangan pelajar, semua pihak berwajib perlu mengambil perhatian sepenuhnya tentang pentingnya pelajar perlu didedahkan dengan penerapan elemen tadabbur agar isi kandungan al-Quran itu difahami, dihayati dan diamalkan seterusnya melahirkan hafiz dan hafizah yang cemerlang dunia dan akhirat.

**Kata kunci**

Tadabbur, elemen tadabbur, menghafaz, penerapan dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor

**Abstract**

*Tadabbur al-Quran is an obligation mandated by Allah SWT upon mankind. It is more than mere recitation and memorisation. This study is carried out to identify and analyse the integration of the tadabbur al-Quran element on Tahfiz students in the memorisation and engagement with the Holy Quran. The study is quantitative in nature, using the questionnaire method. The respondents for the study are from the three institutions of Maahad Tahfiz in Selangor (MITS). The instrument used is the questionnaire for the students from the aspect of recitation and true understanding of the Quran. The study was analysed using the 23.0 version of the SPSS software to obtain the percentage and mean score. The findings show that the overall tadabbur element among the students of the Maahad Tahfiz institutions of Selangor is at the medium high level with a mean score of 3.69. Hence, to enhance the process of integrating tadabbur among*

*the students, all parties should realise the importance of exposing learners to the tadabbur element to ensure the content of the Holy Quran is understood, appreciated and its true teachings practised fully, to produce memorisers of the Quran who are excellent in this world and in the Hereafter.*

**Keywords**

*Tadabbur, tadabbur element, memorisation, integration and Maahad Tahfiz institutions of Selangor*

---

**1. Pendahuluan**

Al-Quran memiliki kedudukan yang amat istimewa dalam pemikiran dan kehidupan muslimin sepanjang zaman. Justeru, membaca dan menghafaz al-Quran adalah ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Orang yang membaca al-Quran dituntut untuk *mentadabbur* dan memahaminya. Ini adalah tujuan utama Allah menurunkan al-Quran iaitu untuk *ditadabbur* (Alwi al-Maliki 2010) sebagaimana firman-Nya dalam Surah Sad ayat 29 yang bermaksud:

*(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayat-Nya, dan untuk orang yang berakal sempurna untuk beringat mengambil iktibar.*

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajipan *tadabbur* terhadap al-Quran yang menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan *ditadabbur*, serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri Muslim yang beriman kepada Allah (Al-Ahdal 2012).

Perkembangan institusi tahfiz di Malaysia merupakan satu fenomena positif yang berlaku dan mendapat tempat yang baik dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ia sekali gus membawa kepada percambahan sekolah-sekolah aliran tahfiz di seluruh pelusuk negara. Selain itu faktor hasrat ibu bapa yang mahukan anak-anak menjadi seorang hafiz al-Quran juga turut menyumbang kepada perkembangan institusi tahfiz ini (Zulkifli Mohd Yusoff et al.2018).

Pendidikan tahfiz al-Quran berkembang begitu pesat di dalam negara disebabkan permintaan dan kesedaran daripada masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran. Begitu juga perkembangan institusi tahfiz di Selangor semakin berkembang dengan pesat. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Selangor sendiri telah mewujudkan 4 buah institusi Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang. Kelayakan akademik untuk memasuki maahad ini syaratnya adalah pelajar perlu memperolehi keputusan cemerlang 5A dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan mendapat MUMTAZ dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dengan peratus minimum 95%.

## 2. Pernyataan masalah

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil et.al(2013) terhadap 11 buah institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran JAKIM mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Guru kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metode tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Pembelajaran al-Quran yang tidak disertai dengan kefahaman makna adalah satu kerugian walaupun hanya dengan menghafaz sahaja kerana hafazan yang disertai kefahaman ayat yang dihafaz mampu mengekalkan ingatan terhadap ayat al-Quran yang dihafaz dalam tempoh masa yang lama (Nor Musliza et.al 2016). Kenyataan ini disokong oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui *asbab nuzul* akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam erti kata lain, kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih memfokuskan kepada kelancaran bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca.

Selain itu, aspek penerapan nilai dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran juga kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahfiz al-Quran. Menurut hasil dapatan Azmil (2010) menyatakan bahawa kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan *asbab nuzul* dan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh pensyarah. Selari dengan kenyataan tersebut melalui kajian Mohd Jamalil et.al (2017) menyatakan bahawa dalam proses pembelajaran tahfiz, talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat dan pemahaman ayat merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan.

Oleh yang demikian, elemen-elemen kaedah pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian khusus dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Kajian yang dilaksanakan oleh Ahwani (1995), al-Syarbini (2004) dan Abu al-Fida' (2006) menyatakan bahawa kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat, pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takrar* ( proses menghafaz mesti melalui mendengar, melihat, membaca dan menulis ayat al-Quran-teori al-Qabisi 1955) dan seterusnya akan menambahkan kekhusyukan dalam membaca ayat al-Quran. Berasaskan senario tersebut, ia mendorong penyelidikan khusus dilaksanakan terhadap tadabbur dalam kalangan pelajar tahfiz di institusi tahfiz Selangor.

## 3. Objektif Kajian

Objektif kajian utama adalah untuk mengenalpasti penerapan elemen tadabbur al-Quran dan juga menganalisis pandangan pelajar terhadap elemen penerapan tadabbur yang diamalkan dalam proses menghafaz dan berinteraksi bersama al-Quran.

#### 4. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data di lokasi ialah borang soal selidik. Seramai 103 orang responden yang dipilih bagi kajian ini adalah pelajar tingkatan lima aliran tahfiz yang telah tamat hafazan lebih tinggi berbanding pelajar tingkatan lain. Tiga Mahad Tahfiz Selangor yang dipilih iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Klang, Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat, dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Sabak Bernam. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistic Package for social Sciences* (SPSS) versi 23 dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan nilai min.

#### 5. Dapatan Kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti penerapan elemen asas tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar menerusi proses menghafaz dan berinteraksi bersama al-Quran. Dalam aspek penerapan elemen asas ini mengandungi dua puluh item yang merangkumi aspek cara bacaan, faktor bahasa Arab, peranan guru, kesungguhan serta keazaman yang tinggi untuk memahami ayat-ayat al-Quran. Min keseluruhan penerapan elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar ialah (min=3.69) dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan penerapan elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar dalam tahap yang baik.

Hasil kajian mendapati penerapan elemen tadabbur dalam kalangan pelajar tahfiz mendapati item paling tinggi pada 'memahami maksud tadabbur al-Quran' mendapat (min=4.78). Manakala bagi item 'mengamalkan bacaan secara tartil agar dapat menghayati ayat yang dihafaz' mendapat (min=4.07). Item 'membaca terjemahan tafsir untuk membantu hafazan' mendapat (min=4.24), item 'merujuk guru tafsir untuk meminta penjelasan bagi membantu tadabbur al-Quran' mendapat (min=4.14), item 'menghafaz menepati tajwid serta intonasi yang betul agar memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda' mendapat (min=4.16). Dan item berusaha 'menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu agar dapat menghayati al-Quran sebaiknya' mendapat (min=4.06).

Seterusnya bagi item paling tinggi juga adalah 'kaedah pengulangan dalam hafazan ayat al-Quran membantu dalam proses mentadabbur al-Quran' (min=4.05), item 'mengetahui dengan jelas bahawa menghafaz al-Quran dapat melahirkan cinta kepada Allah' mendapat (min=4.56). Dan item 'yakin bahawa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah' mendapat (min=4.59), item 'berazam dan berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya setelah tadabbur al-Quran' mendapat (min=4.39).

Manakala terdapat lapan item yang mendapat min pada tahap interpretasi sederhana rendah iaitu item 'merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah' mendapat (min=3.66). Item 'mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat yang dihafaz' mendapat (min=3.57). Dan bagi item 'mengamalkan tadarus untuk memperbetulkan hafazan' (min=3.51), 'sebelum memulakan hafazan memulakan niat iltizam untuk menghayati al-Quran' mendapat (min=3.79). Item 'guru mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar' mendapat (min=3.73). Item 'mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat

kepada kawan-kawan' mendapat (min=3.24). Item 'mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran agar proses tadabbur berjalan dengan lancar' (min 3.83). Manakala yang terakhir min pada tahap interpretasi sederhana rendah adalah 'mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran setelah memahami ayat yang dihafaz' mendapat (min=3.45). Ini menunjukkan pelajar memahami ayat yang dihafaz diiringi dengan amalan apa yang diajarkan al-Quran.

Seterusnya terdapat dua item negatif yang mendapat min pada tahap interpretasi sederhana rendah iaitu item 'tidak memahami maksud cerita al-Quran kerana tidak menguasai bahasa Arab' (min=2.77) dan item 'guru tidak menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan'(min=2.44). Ini dipaparkan sebagaimana dalam jadual 1.

Penerapan elemen asas tadabbur	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
Memahami maksud Tadabbur al-Quran	0 0%	0 0%	2 1.9 %	19 18. 4%	82 79.6 %	4.78	Tinggi
Mengamalkan bacaan secara tartil agar dapat menghayati ayat yang dihafaz.	1 1.0 %	5 4.9 %	14 13.6 %	49 47. 6%	34 33.0 %	4.07	Tinggi
Membaca terjemahan tafsir untuk membantu hafazan.	2 1.9 %	1 1.0 %	8 7.8 %	51 49. 5%	41 39.8 %	4.24	Tinggi
Merujuk guru tafsir membantu tadabbur al-Quran.	5 3%	19 2.6 %	43 14.2 %	20 33. 9%	15 46.4 %	4.14	Tinggi
Menghafaz dengan menepati tajwid serta intonasi yang betul memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda.	1 1.0 %	2 1.9 %	13 12.6 %	51 49. 5%	36 35.0 %	4.16	Tinggi
Menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu dapat menghayati al-Quran sebaiknya.	2 1.9 %	6 5.8 %	10 9.7 %	51 49. 5%	34 33.0 %	4.06	Tinggi

Merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah.	2 1.9 %	9 8.7 %	30 29.1 %	43 41. 7%	19 18.4 %	3.66	Sederhana Tinggi
Mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat yang dihafaz.	2 1.9 %	6 5.8 %	41 39.8 %	39 37. 9%	15 14.6 %	3.57	Sederhana Tinggi
Mengamalkan bacaan secara berkumpulan untuk memperbetulkan hafazan saya.	2 1.9 %	17 16. 5%	27 26.2 %	40 38. 8%	17 16.5 %	3.51	Sederhana Tinggi
Tidak memahami maksud cerita al-Quran kerana tidak menguasai bahasa Arab	34 33.0 %	16 15. 5%	18 17.5 %	28 27. 2%	7 6.8 %	2.77	Sederhana Rendah
Kaedah pengulangan dalam hafazan ayat al-Quran membantu mentadabbur al-Quran.	1 1.0 %	2 1.9 %	21 20.4 %	46 44. 7%	33 32.0 %	4.05	Tinggi
Sebelum menghafaz berniat dan iltizam untuk menghayati al-Quran	1 1.0 %	7 6.8 %	27 26.2 %	46 44. 7%	22 21.4 %	3.79	Sederhana Tinggi
Guru mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar.	4 3.9 %	12 11. 7%	26 25.2 %	27 26. 2%	34 33.0 %	3.73	Sederhana Tinggi
Guru tidak menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan.	20 19.4 %	35 34. 0%	34 33.0 %	11 10. 7%	3 2.9 %	2.44	Sederhana Rendah
mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan.	1 1.0 %	10 9.7 %	59 57.3 %	29 28. 2%	4 3.9 %	3.24	Sederhana Tinggi
mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran	1 1.0 %	3 2.9 %	23 22.3 %	62 60. 2%	14 13.6 %	3.83	Sederhana Tinggi

agar proses tadabbur berjalan dengan lancar.							
Mengetahui dengan jelas bahwa menghafaz al-Quran dapat melahirkan cinta kepada Allah.	1 1.0 %	0 0%	5 4.9 %	31 30.1%	66 64.1 %	4.56	Tinggi
Yakin bahwa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah.	1 1.0 %	0 0%	5 4.9 %	28 27.2%	69 67.0 %	4.59	Tinggi
Mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran setelah memahami ayat yang dihafaz.	1 1.0 %	4 3.9 %	54 52.4 %	36 35.0%	8 7.8 %	3.45	Sederhana Tinggi
Berazam dan berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya setelah tadabbur al-Quran.	1 1.0 %	0 0%	9 8.7 %	41 39.8%	52 50.5 %	4.39	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.69</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Jadual 1: Penerapan elemen tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar MITS

## 6. Perbincangan

Dapatan analisis ini mendapati penerapan elemen tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar MITS mencatatkan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan elemen tadabbur diterapkan oleh pelajar tahfiz MITS dan mereka faham akan kepentingan tadabbur al-Quran ketika sedang melalui proses menghafaz al-Quran. Hal ini menjadikan mereka berusaha mengamalkan bacaan secara tartil agar dapat menghayati ayat yang dihafaz. Bukan itu sahaja, mereka juga membaca tafsir untuk membantu hafazan. Selain mendapatkan bantuan dengan merujuk guru tafsir untuk meminta penjelasan bagi membantu tadabbur al-Quran agar diberi kefahaman yang tepat dan betul tentang ayat al-Quran yang dibaca dan dihafaz, kaedah menghafaz yang menepati tajwid serta intonasi yang betul serta berusaha menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu juga diterapkan agar dapat menghayati al-Quran sebaiknya.

Oleh itu, suruhan membaca al-Quran dengan tartil bukan setakat bacaan sahaja, tetapi merangkumi dengan pemahaman. Inilah yang disebut oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani r.a katanya: 'Bab tartil dalam bacaan iaitu kejelasan huruf-hurufnya dan kecermatan dalam melakukannya agar ia lebih membawa kepada faham maknanya (al-'Asqalani 1996: Jil 10,109 ).

Penerapan elemen-elemen ini memainkan peranan yang penting agar dapat memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda mereka ketika menghafaz. Ini kerana akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat suci dan pengaruhnya dalam jiwa, serta kehidupan manusia. Menurut Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) membaca dengan penuh penghayatan hati berada dalam tahap awal dalam proses tadabbur dan ia berlaku ketika seseorang membaca dengan hati atau ketika meneliti penulisan ayat pada mushaf al-Quran. Keadaan ini selari dengan kaedah pembelajaran tahfiz yang memerlukan penambahbaikan khususnya dalam kaedah tadarus hafazan untuk pengukuhan kesahihan bacaan (Azmil Hashim et.al 2014). Kenyataan ini disokong oleh Rohana et.al (2017) menyatakan bahawa hati yang diberi peluang untuk meneliti dan merenung pengajaran dan ibrah yang disampaikan melalui ayat-ayat suci al-Quran pasti akan meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spritual pembaca al-Quran.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar menggunakan kaedah pengulangan ayat al-Quran dalam hafazan. Dalam masa yang sama cara ini lebih membantu mereka mentadabbur al-Quran. Apabila memberi tumpuan sepenuhnya dengan kesungguhan yang jitu terhadap bacaan dan ulangan al-Quran, maka ia akan menghasilkan natijah bacaan yang berkesan sebenarnya. Ini bertepatan dengan kata-kata Sayyidina Ali bin Abi Talib: "Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya,dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran yang tidak tadabbur padanya" (Riwayat al-Darimi jil 1,hlm.101)

Maka secara tidak langsung mereka tahu dengan jelas bahawa menghafaz al-Quran dapat melahirkan cinta kepada Allah. Seterusnya kesan daripada amalan tersebut akan melahirkan keyakinan dalam diri mereka bahawa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah. Ini bertepatan dengan kajian (Rohana Zakaria et.al 2017) bahawa implikasi tadabbur al-Quran akan membentuk jiwa manusia untuk yakin dan beriman sepenuhnya kepada kalam Allah. Maka hasilnya akan menumbuhkan keazaman dalam diri pelajar untuk berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kajian juga mendapati bahawa pelajar mengamalkan penerapan elemen tadabbur dengan merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah, mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat agar al-Quran dapat difahami secara realiti dari segenap segi. Allah menceritakan kepada manusia di dalam al-Quran peristiwa-peristiwa sejarah agar manusia mengambil iktibar daripadanya (Rohana Zakaria et.al 2018). Pelajar juga berpendapat bahawa mengamalkan bacaan secara berkumpulan dalam memperbetulkan hafazan, membantu mereka kepada tadabbur. Namun amalan ini perlu dilakukan secara berulang-ulang dan berterusan agar hasil tadabbur diperolehi dengan sempurna.

Oleh itu adalah penting bagi mereka memulakan niat iltizam untuk menghayati al-Quran sebelum memulakan hafazan. Begitu juga peranan guru dalam mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar. Ini mennatijahkan pelajar yang mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan. Hasil dan kesan tadabbur ini melahirkan pelajar yang mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran agar proses tadabbur berjalan dengan lancar dan seterusnya mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran. Oleh itu daripada proses inilah akan melahirkan seorang penghafaz al-Quran yang bersifat rabbaniyah.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar berpendapat bahawa penerapan elemen tadabbur dengan menguasai bahasa Arab untuk memahami maksud cerita al-Quran dan peranan guru dalam menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan al-Quran adalah sangat penting dalam membantu mereka mentadabbur al-Quran. Maka ini terbukti bahawa menguasai bahasa arab adalah suatu kelebihan sebenarnya dalam mentadabbur isi kandungan al-Quran. Kerana hanya bahasa arab sahaja yang mampu memberi kefahaman tepat dan penghayatan yang sebenar tentang ayat-ayatnya (Rohana Zakaria, et.al 2018).

Ironinya, penerapan elemen tadabbur menurut pandangan pelajar sangat baik hasil dari inteprestasi tahap min sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mengambil berat tentang tadabbur al-Quran. Namun demikian Penghayatan al-Quran melalui usaha penerapan elemen *tadabbur* dengan penyertaan lidah, hati dan akal akan memberi implikasi dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran serta membuah hasil ketenangan dan kesejahteraan dalam hidup (Rohana Zakaria et.al 2017). Selain itu hasil tadabbur yang tinggi juga akan terserlah melalui akhlak dan sifat takwa seseorang kepada Allah SWT.

Secara umumnya kajian mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang perlu kepada penambahbaikan antaranya penekanan tentang keutamaan tadabbur dalam kalangan pelajar tahfiz harus dipertingkatkan dan diperluaskan agar mereka mendapat pemahaman yang sempurna dan manhaj tadabbur yang betul. Walaupun terdapat pelajar yang faham dan menerapkan elemen tadabbur dalam hafazan, namun ini masih berada di dalam kuantiti yang sedikit.

Oleh demikian, amat penting menyusun matlamat, diberi penekanan dan memperluaskan lagi bidang ilmu tadabbur di kalangan huffaz agar al-Quran yang diturunkan bukan sekadar dibaca dan dihafaz semata-mata malah memenuhi matlamat utama penurunan al-Quran iaitu untuk ditadabbur dan dihayati.

## 7. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tahfiz ada menerapkan elemen asas tadabbur ketika menghafaz ayat-ayat suci al-Quran . Hasil kajian mendapati kesemua item penerapan asas elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan penerapan elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar dalam tahap yang baik dan stabil sesuai dengan tuntutan al-Quran. Justeru, kajian ini mencadangkan supaya golongan huffaz terutamanya yang sentiasa menjadi pendamping al-Quran, dapat mengamalkan akhlak

dan segala suruhan Allah SWT sebagaimana ajaran al-Quran agar dapat menjadi contoh teladan terhadap masyarakat umum dan seterusnya akan memberi dampak dan imej yang baik kepada negara.

### **Rujukan**

Abu al-Fida', M.I. (2006) *Kaifa Nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.

Abu al-Wafa A.A.(1999) *An-Nur al-Mubin Litahfiz al-Quran al-Karim*.Kaherah: Darul Wafa'.

al-Qabisi Ali Muhammad Abu al-Hasan(1995) *Al-Risala al-Mufassila li-ahwal al-Muta'allim wa ahkam al-mu'allim wa al-Muta'allim* al-Qahera. Dar Ihya al-Kutub al-Arabiya.

Al-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq.

Azmil Hashim 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis Dr. Fal Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmil Hashim, Abdul Halim Tamuri dan Misnan Jemali 2013: *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Di Malaysia. The Online Journal of islamic Education. Vol 1 Isu 1*.

Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. *Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar*. Journal of al-Quran and Tarbiyyah.

Chua Yan Piaw 2013, *Asas Statistik Penyelidikan, Buku 2* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill), 3.

Ibn Hajar al-'Asqalani 1996. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr Beirut Lebanon

Mohd Jamalil, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi. 2017. *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.

Mohd Yusuf Ahmad 2000: *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nor Musliza, Mokmin Basri dan Sedek Ariffin. 2016. *Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*.

Nunnally, J. C.,& Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.).New York, NY:McGraw-Hill.

Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. *Konsep tadabbur: Suatu Kupasan*. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.

Rohana Zakaria, Shahrudin Pangilun, Shahrudin Saad 2018 *Elemen Tadabbur al-Quran dalam Kursus l'adah Hizf al-Quran Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS* , E-prosiding 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018

Rohana Zakaria, Fatin Nazmin Mansor dan Khairul Anuar Mohamad, 2017 *Tadabbur Al-Quran: Implikasinya Dalam Meningkatkan Spiritual Pembaca Al-Quran* Jurnal Qiraat Tahun Pertama Bil 1 Muharram 1439 (Oktober 2017) Issn 2600-7657 .

Suhaimi Kassim, 2012, *At-Tibyan Menerangkan Qaedah dan Disiplin Tadabbur al-Quran*. Baitul Quran Seremban Negeri Sembilan and al-Azhar Media Enterprise.

Wiersma, W, *Reasearch Methods In Education: An Introduction* (7 Edition), (Boston:Allyn&Bacon, 2000), 284.

Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah, Nor 'Azzah, Nor Aini, Norhayati dan Naeimah Ramlan. 2018. *Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia*. Centre of Quranic Research(CQR) University Malaya.